

SOALAN NO. 171

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @TIAN CHUA [BATU]

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan berapa jumlah orang yang menerima pertolongan kewangan dari JKM telah diberhentikan semenjak tahun 2013 atas alasan tiada dana. Ada juga di antara golongan OKU yang diberhentikan pertolongan, sila jelaskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberikan bantuan kebajikan kepada golongan miskin dan kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Setiap permohonan yang diterima akan disiasat dan dinilai sebelum sesuatu bantuan dapat diluluskan.

Ingin saya jelaskan bahawa pada tahun 2013 dan 2014, tiada penerima bantuan kebajikan diberhentikan atas alasan ketiadaan dana di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik tahun 2013, sebanyak 70,813 kes atau 14% daripada jumlah penerima bantuan kewangan bulanan JKM telah ditamatkan atas faktor-faktor berikut:

- i. peningkatan tahap sosio ekonomi serta mampu berdikari;
- ii. penerima bantuan meninggal dunia;

- iii. bagi bantuan Elaun Pekerja Cacat, pendapatan golongan tersebut telah melebihi RM 1,200 sebulan;
- iv. telah menerima bantuan daripada agensi lain seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial dan Majlis Agama Islam Negeri.

Sebagai kesimpulan, dalam hal ini, tiada penerima bantuan JKM yang ditamatkan pemberian bantuan atas alasan ketiadaan dana. Masyarakat juga perlu mengambil maklum bahawa bantuan kebajikan yang diberikan adalah bersifat sementara. Bantuan ini merupakan satu bentuk saraan hidup bagi membantu kumpulan sasar yang memerlukan meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN : 172

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan kakitangan dan jenis model pesawat, helikopter, kapal laut dan jentera lain yang dihantar oleh Kerajaan dalam operasi mencari pesawat MH370, kos dan status terkini operasi itu. Mengapa Kerajaan tidak mohon maaf pada keluarga-keluarga mangsa.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, sehingga kini, Kerajaan Malaysia telah menghantar sebanyak sebanyak 10 buah pesawat, 9 buah helikopter dan 40 kapal laut dalam operasi mencari pesawat MH370. Jenis model pesawat dan helikopter yang telah dihantar adalah seperti berikut:

Model Pesawat/Helikopter	Bilangan
Pesawat	
Lockheed C-130 Hercules	2
Casa CN235	1
Beechcraft King Air 350i	1
Beechcraft King Air 200	3
Bombardier 415MP	1
Boeing F-18 D Hornet	2
Helikopter	
Eurocopter 725	2
Sikorsky 61A-4	1
Augusta Westland 139	1
Augusta Westland 109	3
Eurocopter 365 Dauphin	1
Augusta Westland Superlynx	1
Jumlah	19

Sehingga kini, operasi mencari pesawat tersebut telah memasuki Fasa Transisi dengan memberi keutamaan kepada pencarian di bawah permukaan laut. Dalam hubungan ini, operasi mencari pesawat menggunakan kapal udara telah ditangguhkan sementara waktu. Pada masa yang sama, sebuah pesawat *P3 Orion* milik Australia ditempatkan di dalam keadaan bersiap sedia (*on-standby*) di Perth bagi membolehkan tindakan segera dilaksanakan sekiranya berlaku sebarang penemuan pesawat atau serpihan. Pada masa yang sama, beberapa buah kapal laut dari Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China masih kekal ditempatkan di Perth.

Semasa Fasa Transisi ini, 3 aktiviti utama sedang dan akan dijalankan seperti berikut:

- (i) analisis semula data untuk menentu-sahkan kawasan pencarian yang lebih tepat. Analisis ini akan dijalankan oleh kumpulan pakar bersama-sama dengan INMARSAT;
- (ii) menjalankan *bathymetric survey* yang melibatkan kerja-kerja *mapping* dasar laut. Ini akan membolehkan pencarian menggunakan aset-aset *Autonomous Underwater Vehicle* (AUV) yang mempunyai keupayaan tertentu dapat dilancarkan dengan berkesan dan selamat; dan
- (iii) memperoleh perkhidmatan aset-aset terkini yang mempunyai keupayaan *side scan sonar* bagi mencerap keseluruhan kawasan pencarian laut dalam yang ditetapkan.

Kerajaan akan meneruskan operasi pencarian pesawat MAS MH370 sehingga ia dapat dijumpai. Walau bagaimanpun, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk menamatkan operasi pencarian MH370, Kerajaan perlu mendapatkan persetujuan bersama dengan pihak Republik Rakyat China dan Australia, selaras dengan ketetapan dalam *Annex 12, Search and Rescue (SAR), Chicago Convention 1944, International Civil Aviation Organisation (ICAO)*.